

24 JUN 2001

Rais-Penerangan

RAIS CADANG BARISAN PENERANGAN BERKESAN PERANGI DAKYAH PEMBANGKANG

JELEBU, 24 Jun (Bernama) -- Umno perlu mewujudkan barisan pejuang yang boleh menyampaikan penerangan dengan berkesan di peringkat akar umbi dalam usaha memerangi dakyah pembangkang terutamanya PAS, kata Ketua Umno Bahagian Jelebu Datuk Dr Rais Yatim.

"Saya berpendapat supaya semua anggota Majlis Tertinggi (MT) mengambil kawasan atau negeri yang perlu diuruskan supaya sesi penerangan itu dapat dilakukan dengan lebih efektif.

"Menteri-menteri (Umno) di peringkat kementerian masing-masing terpaksa mengambil tugas ini untuk memerangi dakyah songsang pembangkang," katanya selepas menyampaikan sumbangan komputer kepada cawangan-cawangan Umno Bahagian Jelebu di Dewan Orang Ramai Felda Pasoh Tiga dekat sini, hari ini.

Rais diminta mengulas ucapan penggulungan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno semalam yang menyifatkan PAS sebagai pengkhianat orang Melayu dan negara Islam kerana menentang kemajuan serta perpaduan ummah semata-mata mahu menjayakan politiknya.

Rais berkata Umno juga perlu mengubah cara kerjanya dengan memastikan bahawa semua anggota Umno tahu tentang asas perjuangan parti dan mengetepikan kepentingan peribadi.

Beliau berkata sesiapa sahaja yang melanggar lunas undang-undang dalam menyampaikan idea politik mereka, akan didakwa berdasarkan kesalahan mereka sama ada di bawah bidang kuasa keselamatan atau sivil.

Mengenai perang habis-habisan terhadap politik wang dalam Umno, Rais yang juga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri berkata semua anggota Umno mesti menanam sifat bersih daripada gejala itu.

Ditanya sama ada anggota Umno yang didapati bersalah terlibat dalam politik wang harus dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah, beliau berkata: "Soal itu diputuskan oleh Perdana Menteri dan sekiranya Perdana Menteri berpendapat kes itu perlu dirujuk kepada pihak berkuasa anti rasuah, itu yang sebaik-baiknya."

Mengenai amaran Dr Mahathir kepada dua akhbar Cina Nanyang Siang Pau dan China Press supaya tidak membangkitkan isu perkauman, beliau berkata editor-editor akhbar terbabit harus tahu peranan mereka.

"Sekiranya mereka memainkan peranan untuk memecah belah, menggunakan fakta separuh-separuh untuk tujuan yang sinis, mereka terpaksa menghadapi tindakan, mungkin di bawah Akta Penerbitan dan Mesin Cetak. Ketegasan kerajaan sudah jelas," katanya.

-- BERNAMA

APG NAK